



## SIARAN AKHBAR

### **27<sup>th</sup> ASEAN Insurance Regulators' Meeting & 50<sup>th</sup> ASEAN Insurance Council Meeting: Bridging Resilience and Innovation in ASEAN Insurance Landscape**

#### **The Empire Brunei Negara Brunei Darussalam**

**Rabu, 25 Jamadilawal 1446 bersamaan dengan 27 November 2024**

---

1. Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada *ASEAN Insurance Regulators' Meeting* (AIRM) kali ke-27 dan Mesyuarat *ASEAN Insurance Council* (AIC) kali ke-50, bertemakan '*Bridging Resilience and Innovation in ASEAN Insurance Landscape*' di The Empire Brunei.
2. Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB, merasmikan acara pembukaan tersebut. Ucaptama beliau menekankan keperluan industri insurans untuk lebih berdaya tahan dalam menghadapi perubahan terhadap pendedahan risiko, termasuk bencana alam. Beliau kemudian mengongsikan kesan isu-isu yang semakin signifikan, termasuk digitalisasi, gangguan teknologi, dan risiko keselamatan siber. Seterusnya, Yang Mulia Dato juga menekankan pentingnya kerjasama antara pengawalselia dan industri insurans dan takaful untuk mencapai keseimbangan inovasi berterusan dan ketahanan industri insurans di rantau ini sambil mengekalkan perlindungan pengguna.
3. AIRM berfungsi sebagai sebuah platform untuk mengukuhkan kerjasama insurans dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan insurans, serta penyelidikan dan pembangunan kapasiti melalui *ASEAN Insurance Training and Research Institute (AITRI)*. Acara ini menghimpunkan pengawalselia insurans dari sepuluh negara anggota ASEAN untuk membincangkan isu-isu utama ke arah pembangunan dan pengukuhan industri insurans/takaful di rantau ini.
4. Sementara itu, mesyuarat AIC bertujuan untuk memupuk kerjasama dan pembangunan antara pasaran insurans di rantau ASEAN. Diadakan serentak dengan AIRM, mesyuarat AIC berfungsi sebagai forum untuk pemimpin industri dari negara anggota ASEAN berinteraksi dan berkongsi pengetahuan serta kepakaran dalam pelbagai bidang. Beberapa mesyuarat jawatankuasa kerja yang ditubuhkan sebagai sebahagian daripada operasi utama AIC juga diadakan pada 26 November 2024 termasuk *Council of Bureau, ASEAN Reinsurance Committee, ASEAN Health and Medical Insurance Committee, ASEAN Cross-Sectoral Coordination Committee on Disaster Risk Financing Insurance Meeting, ASEAN*

*Insurance Education Committee, ASEAN Natural Disaster Research and Works Sharing, dan ASEAN Takaful/Retakaful Working Committee.*

5. Sepanjang minggu ini, beberapa acara berkaitan industri insurans juga akan diadakan, yang akan diakhiri dengan mesyuarat *joint plenary* antara AIRM dan AIC. Mesyuarat *plenary* ini melibatkan perbincangan bagi membentuk pembangunan insurans di masa depan di setiap negara dan di seluruh rantau ASEAN.
6. AIRM ke-27 telah menghimpunkan seramai 69 orang delegasi daripada agensi-agensi pengawalseliaan insurans/takaful ASEAN serta Sekretariat ASEAN dan AITRI, manakala 135 orang delegasi daripada persatuan dan organisasi insurans negara-negara ASEAN telah menghadiri mesyuarat AIC ke-50.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 25 Jamadilawal 1446 / 27 November 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3

## **Nota kepada editor:**

### **Mengenai ASEAN Insurance Regulators' Meeting (AIRM)**

AIRM telah ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai sebuah platform untuk mengukuhkan kerjasama insurans dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan insurans, penyelidikan, dan pembangunan kapasiti melalui *ASEAN Insurance Training and Research Institute [AITRI]*. Acara ini menghimpunkan pengawal selia insurans dari 10 negara anggota ASEAN untuk membincangkan isu-isu utama ke arah pembangunan dan pengukuhan industri insurans/takaful di rantau ini.

### **Mengenai ASEAN Insurance Council (AIC)**

Ditubuhkan pada tahun 1978, AIC bertujuan untuk memupuk kerjasama dan pembangunan antara pasaran insurans di rantau ASEAN. Diadakan serentak dengan AIRM, AIC berfungsi sebagai platform untuk pemimpin industri dari negara anggota ASEAN berinteraksi dan berkongsi pengetahuan serta kepakaran mereka dalam pelbagai bidang. Beberapa mesyuarat jawatankuasa kerja yang ditubuhkan sebagai sebahagian daripada operasi utama AIC juga diadakan pada 26 November 2024 termasuk *Council of Bureau, ASEAN Reinsurance Committee, ASEAN Health & Medical Insurance Committee, ASEAN Cross-Sectoral Coordination Committee on Disaster Risk Financing Insurance Meeting, ASEAN Insurance Education Committee, ASEAN Natural Disaster Research & Works Sharing*, dan *ASEAN Takaful & Retakaful Working Committee*.

### **Mengenai Brunei Darussalam Central Bank**

Ditubuhkan pada tahun 2011, BDCB komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pelaksanaan reformasi sektor kewangan selaras dengan objektif pembangunan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik, mengekalkan kestabilan sistem kewangan dengan merumuskan peraturan kewangan dan piawaian berhemat, membantu dalam penubuhan dan fungsi sistem pembayaran yang cekap dan seterusnya mengawasi, memupuk dan membangunkan sektor perkhidmatan kewangan yang mantap dan progresif.